



KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI




MALAYSIA  
**TECH LYMPICS**  
Luar Biasa, Global, Inklusif

*MT - X<sup>2</sup> STARTUP*

**PRODUK PITCHING:**

**MALAYSIA TECHLYMPICS 2024 (MT 2024)**

# Pengenalan




Peserta yang bertanding akan membentangkan projek sekurang-kurangnya TRL 2 dan ke atas berasaskan 5 fokus utama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) iaitu *Hydrogen Economy and Technology Roadmap*, *Artificial Intelligence*, *Biotech*, *Startups* dan *Aerospace* berbentuk *poster* dan *video* yang mempunyai *Formulation of Concept*. Pertandingan ini akan menjadi *platform* kepada belia dan pelajar IPT yang mempunyai Produk Inovasi yang disruptif untuk dibangunkan dan berpotensi untuk melahirkan Syarikat *start-up*. Pertandingan ini terbuka kepada belia dan pelajar IPT tahun dua & akhir yang berumur 18 sehingga 33 tahun.

# Objektif



Mencungkil bakat dan minat belia dan pelajar IPT terhadap peluang yang disediakan dalam Malaysia Techlympics 2024 melalui Sains, Inovasi & Teknologi.




Mewujudkan platform kepada belia dan pelajar IPT yang mempunyai prototaip/produk inovasi yang disruptif dan berupaya dibangunkan ke peringkat *start-up*.




Melahirkan bakat inovasi (*start-up*) dan pembangunan teknologi dengan menerapkan pemikiran(*mindset*), keupayaan diri(*skillset*), dan tindakan(*action-set*) untuk mencipta inovasi yang bermakna.

# Peraturan Dan Kelayakan Pertandingan:

- 
- 1. Pertandingan ini terbuka kepada belia dan pelajar IPT Tahun dua & tahun akhir secara individu atau maksima tiga (3) orang dalam satu kumpulan.
  - 2. Setiap peserta hanya boleh menghantar satu produk untuk satu kategori.
  - 3. Pembentangan sesi *pitching* akan dibuat oleh individu atau ketua projek sahaja. Bahan boleh diedarkan kepada juri sebelum sesi *pitching* bermula.

# Peraturan dan kelayakan Pertandingan:


- 
- 4. Masa yang diperuntukkan untuk sesi *pitching* ini adalah maksima selama 10 minit; lima (5) minit diperuntukkan untuk membuat pembentangan. Lima (5) minit lagi diperuntukkan untuk sesi soal jawab.
  - 5. Pembentang hanya dibenarkan untuk memaparkan 5 slaid dalam satu sesi *pitching*.



# Panduan Untuk Pembentang:

Maklumat yang perlu ada untuk pembentangan (5 minit):

1. Penyataan masalah.
2. Penyelesaian teknologi yang sedia untuk dikomersialkan.
3. Sasaran pasaran yang boleh memberi impak kepada masyarakat.
4. Model perniagaan yang boleh memberi impak kepada masyarakat.
5. Strategi pemasaran yang memenuhi keperluan negara sebagai negara pengeluar.



# Kriteria Penilaian



- Teknologi yang dibentangkan adalah teknologi gunaan mengikut bidang fokus Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) iaitu Kecerdasan Buatan (AI), Reka Bentuk Kreatif dan Animasi, Pencetakan dan Pembangunan 3D, Pengkomputeran dan Mikro-Pengkomputeran, Internet Pelbagai Benda (IoT), Robotik, Nano, Dron dan Teknologi Angkasa telah dijadikan elemen utama pertandingan.
- Teknologi yang sedia untuk dikomersialkan.
- Teknologi boleh memberi impak kepada masyarakat.
- Teknologi tersebut mampu memenuhi keperluan negara sebagai negara pengeluar.

# Kriteria Penilaian




- Pembentang dapat menerangkan dengan jelas kaedah untuk membangunkan teknologi.
- Pembentangan selesai dalam tempoh masa yang ditetapkan.

# Juri Penilaian



Pertandingan ini akan diadili oleh Pakar Pembangunan Perniagaan *start-up*.  
Juri-Juri MT-X<sup>2</sup> *startup* akan dipilih oleh Sekretariat Malaysia Techlympics  
2024. Sebarang keputusan juri adalah muktamad.



# Hadiah dan Sijil

Peserta yang menyertai MT-X<sup>2</sup> startup akan layak untuk mendapatkan sijil penyertaan Malaysia Techlympics 2024. Seramai 40 calon akan disenarai pendekkan dalam peringkat saringan dan layak untuk bertanding ke peringkat kebangsaan yang akan berlangsung di Putrajaya. Hadiah kepada pemenang bagi MT-X<sup>2</sup> startup adalah seperti berikut:



**Tempat Pertama:** Sijil, RM1,000 & Pendedahan Global



**Tempat Ke-2:** Sijil & RM1,000.00



**Tempat Ke-3:** Sijil & RM700.00

**Tempat Ke-4:** Sijil & RM500.00

**Tempat Ke-5:** Sijil & RM300.00





# Terima kasih

**Sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi  
Sekretariat Malaysia Techlympics 2024:**

Tel : 03-8996 1714  
Email: [sect.mt2024@yim.my](mailto:sect.mt2024@yim.my)

